

## **PELAJAR UNIMAP TERIMA ANUGERAH PINGAT EMAS INSTITUT JURUTERA MALAYSIA (IEM) 2007/08**

19 April 2008 – Seorang mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menerima anugerah pingat emas dan sijil pengiktirafan daripada Institut Jurutera Malaysia (IEM) bersempena dengan Majlis Makan Malam IEM ke 49 dan Majlis Penganugerahan. Pelajar tersebut ialah Saudara Teoh Vil Cherd dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Majlis tersebut telah diadakan di Selangor Grand Ballroom, Sheraton Tower Subang, Subang Jaya Selangor Darul Ehsan.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Selain itu, terdapat beberapa anugerah yang disampaikan pada malam tersebut iaitu Hadiah Kertas Teknik Terbaik, Anugerah Kecemerlangan Yang Dipertua dan beberapa anugerah lain.

Anugerah Pingat Emas IEM disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Paduka Engr. Hj. Keizrul bin Abdullah. Pada malam tersebut terdapat 9 pelajar IPTA dan 5 pelajar IPTS yang menerima anugerah tersebut iaitu UM, UPM, UIA, UiTM, UMS, UTM, MMU, UNIMAS, USM, UNITEN, Curtin University Of Technology Sarawak, Swineburn University Of Technology Sarawak, dan UTHM. Kriteria pemilihan anugerah tersebut tertumpu pada bidang akademik dan pelajar tersebut memperolehi pencapaian CGPA 3.97 dan ini amat membanggakan pihak universiti.

Penganugerahan seumpama ini menunjukkan Mahasiswa/i Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diiktiraf oleh pihak luar selain daripada pihak universiti.

